

Negeri lulus kaedah baru proses tanah

BH- 24/3/2007

PM akan umum butiran sistem pada 13 April: Najib

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Semua kerajaan negeri bersetuju meluluskan kaedah baru pemprosesan tanah bagi mempercepatkan kelulusan projek pembangunan kerajaan dan swasta sejajar usaha memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kaedah itu dapat menyejajarkan pelaksanaan projek berimpak tinggi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara serta projek perumahan berdasarkan konsep bina dan jual.

Bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-57 di Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam, Najib berkata, butiran sistem baru itu akan diumumkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada 13 April ini.

"Satu daripada perkara yang disarankan Perdana Menteri dalam konteks penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan ialah melihat satu kaedah baru meluluskan projek untuk pembangunan.

"Ia tidak mengira sama ada projek kerajaan atau swasta, termasuk projek perumahan dan projek berimpak tinggi kerana kaedah sekarang memakan masa yang terlalu lama," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri menegaskan usaha penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam akan terus menjadi matlamat penting dalam teras pentadbiran bagi meningkatkan iklim pelaburan negara.

Katanya, usaha itu perlu kerana pelaburan semakin bergantung kepada modal insan yang berkualiti dan beliau akan membuat satu pengumuman penting mengenai langkah berkenaan pada 13 April.

Sambil menyifatkan sistem baru itu sebagai anjakan paradigma, Najib berkata, kerajaan negeri juga memersetujui penggunaan Sijil Penyiaapan dan Pematuhan (CCC) yang akan dikendalikan profesional seperti jurutera dan arkitek.

Katanya, mulai April, kaedah pen-sijilan CCC akan menggantikan Sijil Layak Menduduki (CFO) yang kini dikendalikan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk kelulusan bangunan baru.

Mesyuarat MNKT juga meluluskan pelantikan Yang Dipertua PBT sebagai Pesuruhjaya Bangunan untuk membolehkan bangunan diselesaikan dengan baik, seperti sebelum hak milik strata bangunan diluluskan," katanya.

Sementara itu, Najib menegaskan Bumiputera tetap boleh mengambil bahagian dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) walaupun kerajaan memberi kelonggaran pemilikan ekuiti kepada firma asing bagi menarik masuk modal asing ke wilayah itu.

Katanya, keupayaan Bumiputera dalam perniagaan dan perindustrian sudah meningkat dan mereka mampu bersaing pada peringkat global, lebih-lebih lagi dengan peranan dan pembabitn sama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam bidang berkenaan.

"Kalau ada peluang tertentu di WPI, Bumiputera boleh mengambil bahagian dalam pembangunan itu. Hampamanya kalau ada enam buah hotel lima bintang akan dibina, takkan tak ada kepentingan Bumiputera yang boleh ambil bahagian.

"Begitu juga yang membabitkan

pelabur dari luar negara, mereka akan dapat peluang melabur secara lebih bebas. Kita mengambil langkah ini kerana WPI memerlukan pendekatan khusus bagi membolehkannya menarik pelaburan asing," katanya.

Beliau mengulas langkah kerajaan memberikan beberapa kelonggaran kepada pelabur asing untyuk melabur di WPI yang diumumkan Perdana Menteri, kelmarin.

Antara langkah itu ialah pemberian status syarikat Pihak Berkuasa Pembangunan WPI (Irda) kepada firma asing yang melayakkan mereka pengecualian cukai korporat untuk 10 tahun jika memulakan operasi sebelum 2015.

Mereka juga akan diberi pengecualian daripada peraturan FIC berhubung syarat pemilikan ekuiti, pemerolehan modal asing dan pengambilan kakitangan warga asing.

Bagaimanapun, firma asing berkenaan disyaratkan terbabit dalam enam perniagaan yang ditetapkan, iaitu industri kreatif, perkhidmatan pendidikan, nasihat dan perundingan kewangan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan pelancongan serta logistik.